

KETAGIHAN CANDU DI TANAH MELAYU SEHINGGA TAHUN 1957

OPIUM ADDICTIONS IN MALAYA UNTIL 1957

Amer Fawwaz bin Mohamad Yasid*

Noraini binti Zulkifli**

Jabatan Pengajian Strategi, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Malaysia

Abstrak

Kemasukan candu sejak dari awal kurun ke-18 oleh imigran Cina telah menyebabkan bermulanya aktiviti penyalahgunaan dadah di Tanah Melayu. Masyarakat tempatan melihat dengan menghisap candu, ia dapat mengurangkan tekanan hidup yang dihadapi oleh mereka. Kebergantungan hidup terhadap candu telah menimbulkan masalah ketagihan dalam kalangan masyarakat. Malah pengedaran candu yang dilihat berleluasa di Tanah Melayu turut dirintis melalui aktiviti penyeludupan candu secara terancang dan berkumpulan. Maka dengan itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana aktiviti penagihan candu mempengaruhi kehidupan masyarakat di Tanah Melayu sehingga tahun 1957. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada dua sumber kajian iaitu sumber primer yang diperolehi dari kajian lapangan serta temubual bersama responden kajian. Manakala sumber sekunder diperolehi daripada bahan rujukan seperti buku, artikel jurnal, tesis akademik dan dokumen rasmi kerajaan yang diperolehi dari arkib. Dapatan kajian menunjukkan masalah penagihan candu dalam kalangan masyarakat tempatan di Tanah Melayu sebelum tahun 1957 telah mengakibatkan keputusan pengharaman penggunaan candu secara menyeluruh oleh British secara menyeluruh melalui penubuhan Ordinan Dadah Merbahaya 1952.

Kata Kunci: Penagihan candu, Kemasukan candu ke Tanah Melayu, Penyalahgunaan Dadah, Segi Tiga Emas

Abstract

The introductions of opioms since early 18th century by the Chinese immigrants was the beginning of the drug abuse problems in Malaya. The local populations believed that the opium smoking activities was a reliable stress relievers in encountering their daily hardships routine activities. The self dependencies on opioms was the contibuted factors of epidemics towards the drug addictions among the local populations. Furthermore the illegal smuggling and distribution of opioms activities in Malaya was organized and carry out by the local drug trafficking organizations. Hence, this research was conducted to identify the opium addictions and dependencies among the Malaya societies until 1957. This research was based on qualitative studies by referring on two main resources which the primary resources based on the field studies and interview with related respondents. Meanwhile the secondary resources was gathered from the major reference materials such as books, article journals, academic thesis and government official documets retrieved from the public archives. The research findings show that opium addiction problems on the local communities in Malaya that lead towards the banned of opium usage by the British throughout the implementation of Dangerous Drug Ordinance 1952 respectively.

Keywords: *Opium Addictions, The Introductions of Opium in Malaya, Drug Abuse, Golden Triangle.*

Pendahuluan

Opium ataupun dikenali sebagai candu merupakan sejenis dadah dalam kumpulan narkotik yang digunakan bagi tujuan perubatan tradisional dan moden. Candu merupakan sejenis cecair berwarna putih (sap) yang dikeluarkan dari bahagian buah pokok popi muda.¹ Masalah penagihan dadah telah bermula sejak 1500 tahun sebelum Masihi yang dilihat telah dipelopori oleh orang Mesir. Pada awalnya candu telah digunakan sebagai ubat pelali bagi pembedahan otak. Namun begitu, berlakunya masalah penyalahgunaan dadah apabila orang Arab telah menggunakannya sebagai alternatif untuk mendapat ketenangan diri dengan berkhayal.² John Gimlette merupakan seorang pakar perubatan dan ahli sosiologi British yang mengkaji racun berpendapat dadah boleh digunakan sebagai sebatian bagi menghasilkan racun yang mampu membunuh manusia.³ Selepas itu, penggunaan candu telah dikesan pada awal abad kelapan yang dilihat diperkenalkan oleh pedagang Arab sehingga menyebabkan ia tersebar luas ke India, China dan kawasan timur jauh sehingga ke Asia Tenggara.⁴ Budaya menghisap candu menjadi antara masalah sosial yang kritikal terutama di China terutamanya ketika era pemerintahan Maharaja Yun Chang pada tahun 1660.⁵ Candu juga telah dijadikan sebagai senjata bagi meruntuhkan institusi pemerintahan sesebuah negara. Sebagai contoh, Perang Candu 1842 di China telah mengakibatkan keruntuhan kerajaan China.⁶ Tindakan Syarikat Perdagangan Hindia Timur Inggeris (SPHTI) dalam membenarkan penjualan candu secara besar-besaran di China telah menyebabkan timbulnya masalah ketagihan dalam kalangan rakyat China.⁷ Rentetan daripada itu, ia telah membuatkan Kerajaan British dapat menguasai pelabuhan-pelabuhan utama sekali gus menguasai laluan perdagangan di China.⁸

Dadah juga menjadi sumber bahan komoditi perdagangan oleh pihak Belanda pada kurun ke-16 apabila Syarikat Perdagangan Hindia Timur Belanda (SPHTB) telah mengimport sejumlah besar bekalan candu mentah dari Bengala, India untuk dijual di kawasan tanah jajahan di Kepulauan Indonesia.⁹ Melihat kepada kedudukan kewangan yang kukuh hasil daripada penjualan candu oleh Belanda, pentadbir British di India ketika itu melalui penubuhan Syarikat Perdagangan Hindia Timur Inggeris (SPHTI) telah mengawal penjualan candu kepada Belanda,¹⁰ dengan bertujuan untuk mengawal monopoli pihak Belanda terhadap pasaran candu di kawasan timur jauh. Pada awal kurun ke-18, kemunculan imperialisme baharu yang melibatkan kuasa besar seperti Belanda, British, Sepanyol, British dan Perancis dilihat turut menimbulkan persaingan terhadap perdagangan candu di kawasan Asia Tenggara yang turut melibatkan Tanah Melayu. Maka dengan itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana aktiviti penagihan candu mempengaruhi kehidupan masyarakat di Tanah Melayu sehingga tahun 1957. Penyelidikan ini akan membincangkan mengenai kemasukan candu ke Tanah Melayu yang telah menyebabkan masalah ketagihan dadah di kalangan masyarakat tempatan seterusnya menyebabkan budaya menghisap candu telah menjadi aktiviti masyarakat terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua sekaligus menyebabkan bermulanya detik-detik pengharaman penggunaan candu secara menyeluruh di Tanah Melayu oleh Kerajaan British.

Kajian Literatur

Kemasukan dadah secara berleluasa mampu menggugat kestabilan politik, ekonomi, budaya, masyarakat dan pertahanan negara. Abdul Ghafar Taib menjelaskan kemasukan dadah ke Tanah Melayu secara haram telah bermula sejak awal kurun ke-19 melalui kemasukan imigran China yang bekerja sebagai pelombong bijih timah telah membawa masuk candu ke

pada ketika itu. Pada masa yang sama kemasukan imigran dari India yang bekerja sebagai buruh di ladang-ladang dan estet getah kepunyaan British turut menyemarakkan aktiviti penyeludupan dadah jenis ganja yang mula bertapak ke Tanah Melayu sekali gus telah menyebabkan permulaan kepada kemasukan dadah serta penyalahgunaan dadah di Tanah Melayu.¹¹ Mohd Reduan Aslie berpendapat keselamatan negara akan terganggu sekiranya aktiviti penagihan dadah tidak dikawal dengan serius oleh kerajaan. Malah ia akan merintis kehancuran sistem kekeluargaan dan masyarakat serta seterusnya sistem pemerintahan negara.¹² Penyelidikan ini dilihat mempercayai kegiatan menghisap candu di Tanah Melayu merupakan cara halus yang digunakan oleh pemerintah British bagi melemahkan sistem kemasyarakatan dan perpaduan rakyat. Hal ini memudahkan mereka untuk menguasai sistem politik dan pemerintahan Tanah Melayu dalam tempoh jangka masa panjang.¹³ Sementara itu, Derks menerangkan secara terperinci asal usul kemasukan dadah ke Tanah Melayu. Beliau menyatakan kemasukan dadah ke Tanah Melayu bermula sejak awal kurun ke-17 berlaku apabila penjajah Belanda melalui SPHTB menjalankan perdagangan dengan Kerajaan Melaka pada ketika itu. Candu mentah telah di bawa masuk oleh pihak SPHTB sebagai bahan komoditi yang diperdagangkan secara meluas.¹⁴ Kim menerangkan pengharaman candu di rantau Asia Tenggara selepas Perang Dunia Kedua dilakukan ekoran kesan penagihan dadah yang menjadi epidemik kepada rakyat di bawah tanah jajahan seperti di Vietnam, Laos dan Malaya. Keputusan bagi pengharaman penggunaan candu telah dilaksanakan di kebanyakan negara di Asia Tenggara. Hal ini kerana penggunaan candu dalam masyarakat telah menyebabkan kehancuran dalam sistem kemasyarakatan negara walaupun hasil penjualan dadah oleh kerajaan kolonial dilihat menguntungkan kepada British.¹⁵ Penulisan berkaitan faktor-faktor kemasukan awal candu ke Tanah Melayu telah dibahas oleh pakar kajian dadah di Malaysia iaitu Spencer dan Navaratnam. Mereka sebulat suara menerangkan kesan kedatangan pelombong Cina ke Tanah Melayu telah menggalakkan budaya menghisap candu dan ganja di kalangan penduduk tempatan. Keadaan ini menyebabkan pihak British telah mengeluarkan lesen bagi mewujudkan rumah untuk menghisap candu secara sah.¹⁶

Kemasukan Awal Candu Ke Tanah Melayu

Sejarawan seperti Leonard Andaya menyatakan, Belanda yang menjajah Tanah Melayu sejak tahun 1641 telah membawa masuk sejumlah besar candu pada tahun 1687 sebagai bahan untuk diperdagangkan dengan Riau dan Kerajaan Johor Lama.¹⁷ Kemasukan dadah ke Tanah Melayu secara besar-besaran bermula pada awal abad kurun ke-18 dengan kemasukan candu yang dibawa oleh imigran Cina.¹⁸ Manakala Tregonning menjelaskan bahawa, budaya menghisap candu telah diperkenalkan oleh kaum imigran dari Tanah Besar China yang datang ke Asia Tenggara pada awal kurun ke-18.¹⁹ Imigran Cina telah datang secara beramai-ramai ke kawasan Asia Tenggara bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh sektor ekonomi seperti perlombongan bijih timah serta penanaman gambir khususnya di Tanah Melayu yang di jajah oleh British.²⁰

Kenyataan diatas turut disokong oleh Stevenson yang mengakui kegiatan perlombongan bijih timah dikuasai oleh *taukey* Cina yang mengawal sektor perlombongan di Tanah Melayu melalui mandat yang diberikan oleh pemerintahan kolonial British di Tanah Melayu.²¹ Kedatangan imigran dari Tanah Besar China meningkat ketika awal abad ke-19 hingga abad ke-20 di mana kebanyakkan imigran telah dibawa masuk ke Burma, Siam dan Malaya.²² Terdapat pandangan ahli sarjana menyatakan kaum imigran dari Tanah Besar China telah datang ke Tanah Melayu sebelum kedatangan British bagi mencari prospek untuk

menjalankan perlombongan bijih timah.²³ Pada awalnya penduduk di negara-negara Asia Tenggara tidak mengetahui kewujudan budaya menghisap candu sehinggalah budaya tersebut diperkenalkan oleh imigran Cina yang menetap di Tanah Melayu.²⁴ Kebanyakan imigran Cina tersebut menghisap candu yang dibawa dari China dan ia telah menjadi amalan dan tradisi masyarakat Cina pada ketika itu untuk menghisap candu sebagai langkah alternatif untuk mengurangkan tekanan perasaan dan keletihan setelah seharian bekerja berat di lombong bijih timah.

Budaya menghisap candu telah dianggap sebagai budaya yang tidak menimbulkan sebarang masalah sosial di Tanah Melayu. Pada tahun 1910, Kerajaan British di Tanah Melayu telah memulakan pengeluaran lesen bagi menjual candu kepada pembekal candu yang menjual bekalan dadah tersebut di kedai-kedai candu milik kerajaan.²⁵ Keadaan ini diperkukuhkan dengan langkah yang diambil oleh British yang memperkenalkan Tabung Simpanan Hasil Penjualan Candu pada tahun 1932 di tanah-tanah jajahan kepunyaan British termasuklah di kawasan Tanah Melayu.²⁶ British turut mengambil peluang untuk membuka ladang pokok popi berskala besar sebagai langkah bagi meningkatkan lagi hasil pendapatan dan ekonomi kepada mereka.²⁷ Sebagai contoh Kerajaan British di Tanah Melayu dan Singapura telah membina rumah-rumah khas bagi menghisap dan menjual candu kepada rakyat di bawah tanah jajahan mereka.²⁸ Budaya menghisap candu yang telah popular telah menyebabkan British telah mengeluarkan lesen bagi membina rumah untuk menghisap candu secara sah. Sebagai contoh, sejak dari tahun 1936 terdapat seramai 32,000 orang penghisap candu yang berdaftar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).²⁹

British juga mengawal monopoli penjualan candu kepada rakyat di bawah tanah jajahan dengan memastikan bekalan candu hanya di jual oleh pihak kerajaan sahaja melalui lantikan ejen penjual candu yang sah.³⁰ Perkara ini dilihat telah menyebabkan aktiviti penyalahgunaan dadah turut mempunyai hubungkait dengan kegiatan penyeludupan dadah kerana terdapat permintaan yang berterusan daripada pengguna dadah domestik sejak awal kurun ke-18 lagi. Selain bekalan candu yang dijual dari rumah-rumah penghisap candu yang dimiliki oleh kerajaan British, perdagangan candu juga turut dijalankan dengan menggunakan bot ke kawasan-kawasan pedalaman yang hanya boleh di akses melalui pengangkutan jalan sungai.³¹ Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat setempat menjadi ketagih dengan budaya menghisap candu disebabkan akses yang mudah untuk mendapatkan bekalan candu mentah disediakan oleh British secara terbuka. Setiap rakyat yang menggunakan candu perlu membayar cukai candu kepada Kerajaan British.³² Cukai penjualan candu telah diberi kuasa khas oleh Kerajaan British untuk dikutip oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan hasil kutipan cukai di masukkan sebagai hasil kutipan awam negeri.³³ Kerajaan British melihat perniagaan dan perdagangan candu sebagai sebuah perniagaan yang menguntungkan serta mampu dijadikan sumber kewangan berterusan bagi Kerajaan British.³⁴ Candu mentah telah digunakan oleh majoriti masyarakat setempat di Tanah Melayu dan Singapura sejak dari awal tahun 1905.³⁵ Kerajaan British di London juga memastikan monopoli perniagaan dan perdagangan candu di tanah-tanah jajahan seberang laut di kawal sepenuhnya oleh British dengan menubuhkan rumah-rumah menghisap candu secara berlesen.³⁶ British telah menggalakkan peladang Cina untuk membuka ladang penanaman candu di Tanah Melayu dan ia telah mendapat sambutan ramai oleh mereka yang kebanyakannya merupakan ketua organisasi kongsi gelap Cina. Hal ini sekali gus menyebabkan rumah-rumah candu telah dibina di serata Tanah Melayu dan dijadikan sebagai pusat tumpuan utama bagi mengutip hasil cukai jualan candu serta pusat hiburan dadah *recreational drugs centre* bagi penghisap candu secara sah.³⁷ Pada waktu tersebut, candu bukan sahaja dihisap oleh masyarakat tempatan dari golongan kebiasaan akan tetapi ia turut dihisap oleh golongan atasan seperti

kerabat diraja dan golongan bangsawan. Gullick mengesahkan kenyataan diatas bahawa golongan bangsawan dan kerabat diraja turut menggunakan candu sebagai aktiviti bagi merehatkan minda dimana kematian Raja Muda Abdul Aziz pada tahun 1907 di Kedah adalah disebabkan perbuatan baginda menelan satu ketulan besar candu telah mengakibatkan sindrom *overdose* yang membawa maut.³⁸

Budaya Menghisap Candu Di Tanah Melayu

Gambar 1: Seorang Petani Sedang Berehat Sambal Menghisap Candu Menggunakan Alatan Penghisap Candu Yang Diperbuat Daripada Buluh.



Sumber: Manning, R., *The Vietnam Experience: War in the Shadows*, Boston Publishing Company, 1988, hlm. 30.

Budaya menghisap candu yang diperkenalkan oleh imigran Cina yang datang ke Tanah Melayu bagi menerajui sektor perlombongan bijih timah dilihat sebagai bahan komoditi yang popular dikalangan masyarakat tempatan. Pada peringkat awal penggunaan candu di Tanah Melayu, British tidak mengharamkan aktiviti tersebut memandangkan mereka lebih memberi tumpuan terhadap sistem pentadbiran dan pengurusan sumber ekonomi Tanah Melayu serta tidak menjangka bahaya yang wujud akibat aktiviti menghisap candu terhadap keselamatan sosial masyarakat.³⁹ Kebanyakan daripada masyarakat tempatan di Tanah Melayu telah bergantung kepada candu bagi mengurangkan kepenatan dan tekanan kerja seharian. Akses bagi mendapatkan candu juga semakin mudah apabila kemajuan perhubungan dan pengangkutan yang telah menyemarakkan budaya menghisap candu di kalangan masyarakat Tanah Melayu. British telah memperkenalkan penggunaan bot yang diubah suai sebagai kedai runcit bergerak bagi menghantar bekalan makanan, perubatan, pakaian serta bekalan candu kawasan pedalaman.⁴⁰ Situasi ini menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap permintaan bekalan candu oleh masyarakat setempat sehinggakan menjadikan amalan menghisap candu sebagai aktiviti harian mereka.⁴¹

Bekalan candu telah diimport oleh British dari India dan China memandangkan negara India merupakan negara penanam dan pengeluar candu utama dunia pada ketika itu.⁴² Pada tahap awal kemasukan candu di Tanah Melayu, kebanyakan penghisap candu adalah dalam kalangan masyarakat Cina, India dan Melayu. Malah masyarakat Orang Asli dari kaum *Semang* juga tidak terkecuali dari mengamalkan aktiviti menghisap candu.⁴³ Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan untuk menghisap candu oleh masyarakat tempatan di Tanah Melayu. Kajian yang dilakukan oleh Spencer & Navaratnam menunjukkan pada awal pengenalan candu di Tanah Besar China, masyarakat di sana telah mencampurkan candu mentah dengan daun tembakau sebelum dihisap seperti rokok.⁴⁴ Selain itu, candu juga turut dihisap dengan menggunakan paip penghisap candu yang diperbuat daripada buluh seperti yang terdapat di dalam Gambar 1. Candu mentah akan dimasak terlebih dahulu sebelum ia boleh digunakan untuk dihisap dengan paip buluh penghisap candu dan kaedah ini amat popular digunakan di Tanah Melayu oleh masyarakat setempat.⁴⁵ Budaya menghisap candu turut di perkenalkan di seluruh kawasan Asia Tenggara dengan sebahagian golongan penghisap candu adalah dari bangsa Melayu, Siam, Vietnam, Burma dan Tonkin.⁴⁶ Persidangan Geneva pada tahun 1925 telah memberikan cadangan dengan hanya membenarkan pihak kerajaan untuk menjual candu memandangkan pada ketika itu bilangan penghisap candu yang berdaftar di Tanah Melayu adalah seramai 75,000 orang manakala bilangan penghisap candu tidak berdaftar adalah seramai 150,000 orang.⁴⁷

Pengharaman Candu di Tanah Melayu Sehingga Tahun 1941

Pada tahun 1930, Liga Suruhanjaya Negara-Negara (*League of Nations Comissions-LONC*) telah menerbitkan sebuah laporan yang mengesa supaya adanya tindakan pengharaman penggunaan candu sebagai dadah rekreasi. Gesaan ini telah merintis kepada pengharaman penggunaan candu di seluruh dunia.⁴⁸ Pengharaman ini diimplementasikan kerana LONC telah melihat kesan penggunaan candu yang mendatangkan lebih banyak kemudaratan jika dibandingkan dengan kebajikannya. Hasil kajian dan laporan LONC menunjukkan amalan menghisap candu di kalangan masyarakat setempat telah memberikan kesan negatif kepada penghisap candu seperti pemalas, ketagihan yang kronik, khayal, pengotor, kehidupan tidak teratur, melemahkan pemikiran dan mewujudkan masalah kesihatan dalam jangka masa panjang.⁴⁹ Meskipun pengharaman menghisap candu dilakukan secara besar-besaran pada tahun 1930 akan tetapi, kajian awal ke atas pengharaman penggunaan candu di kalangan masyarakat Tanah Melayu telah bermula sejak awal tahun 1907 apabila Kerajaan British melalui Suruhanjaya Candu Malaya telah melaksanakan kajian diperingkat awal bagi mengharamkan penggunaan candu disebabkan kesannya yang negatif kepada masyarakat tempatan.⁵⁰ Penggunaan candu dalam jangka masa panjang oleh penggunanya akan menimbulkan kesan kepada kesihatan seperti kurang selera makan, meningkatkan sifat panas baran, keinginan nafsu seks yang memuncak, pengeluaran lebih air dari mata dan hidung, kekejangan otot, berpeluh, cirit-birit, muntah-muntah serta gila.⁵¹ Masalah penyalahgunaan dadah di Tanah Melayu dapat dilihat apabila pada tahun 1936, terdapat seramai 60,000 penghisap candu dari empat juta populasi penduduk Tanah Melayu telah melaporkan diri kepada kerajaan sebagai penagih dadah manakala jumlah yang sama juga tidak melapor diri kepada pihak kerajaan.⁵²

Keputusan LONC untuk mengharamkan penggunaan candu di kalangan masyarakat dunia mengambil kira faktor di mana kebanyakan agama di dunia mengharamkan aktiviti penyalahgunaan dadah di kalangan penganut mereka.⁵³ Misalnya Islam mengharamkan penggunaan dadah oleh penganutnya memandangkan ia memudaratkan penggunaannya melalui kesan yang dinyatakan sebelum ini.⁵⁴ Apabila laporan pengharaman penggunaan candu diterbitkan, kebanyakan negara di Asia Tenggara masih lagi tidak mengharamkan penggunaan candu secara menyeluruh kecuali Filipina yang mengambil langkah drastik mengharamkan aktiviti menghisap candu secara menyeluruh.⁵⁵ Aktiviti pengedaran dan penyeludupan dadah di Tanah Melayu bertambah kritikal apabila terdapatnya kumpulan kongsi gelap Cina yang menjalankan aktiviti tersebut disebabkan faktor keuntungan yang dijana melalui hasil jualan candu kepada penduduk tempatan.⁵⁶ Kemasukan candu melalui aktiviti penyeludupan amat sukar untuk dibendung sebelum perang dunia kedua memandangkan bentuk muka bumi dan geografi yang terdedah memandangkan Tanah Melayu mempunyai garisan laut yang luas serta bersempadan dengan Siam. Hal ini memudahkan bekalan candu untuk dibawa masuk secara haram oleh penyeludup melalui jalan darat ataupun jalan laut dengan mudah.⁵⁷

Pengharaman Candu di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua

Setelah tamat Perang Dunia Kedua kebanyakan negara di dunia telah mengharamkan penggunaan candu atau dadah secara menyeluruh. Pada peringkat awal Kerajaan British telah mengharamkan aktiviti menghisap candu pada tahun 1945 dan seterusnya mengharamkan penggunaan dadah secara menyeluruh pada tahun 1952 melalui penubuhan Akta Dadah Merbahaya 1952.⁵⁸ Penubuhan Ordinan Dadah Merbahaya 1952 oleh Kerajaan British dilihat sebagai langkah yang tepat bagi menghapuskan penggunaan candu di kalangan penduduk tempatan di Tanah Melayu secara serius. Misalnya, pemilikan dadah seberat lebih dari 15 gram di bawah Ordinan Dadah Merbahaya 1952 telah memperuntukkan hukuman gantung sampai mati mandatori kepada pengedar ataupun pemilik.⁵⁹ Pelaksanaan Ordinan Dadah Merbahaya 1952 telah mewujudkan kawalan serta larangan aktiviti pemprosesan, pemilikan penjualan, pengimportan dan pengeksportan dadah secara menyeluruh di Tanah Melayu.⁶⁰

Menurut Zainudin, 2021 Malaya bukanlah sebuah negara dikategorikan sebagai negara pengeluar dadah memandangkan bekalan dadah diseludup masuk dari Thailand.⁶¹ Sekitar akhir tahun 1950-an telah berlaku pertambahan bilangan kemasukan dadah ke Tanah Melayu dimana masalah penyalahgunaan dadah mula mengancam ketenteraman, nama baik dan ekonomi negara apabila gejala penagihan dadah tidak terbatas dikalangan penduduk bandar besar tetapi telah tersebar keseluruhan pelusuk bandar-bandar kecil dan desa.⁶² Poshychinda menyatakan bekalan candu telah datang dari Thailand memandangkan pada ketika itu, Thailand merupakan negara terbesar pengeluar candu dan heroin ekoran kewujudan kawasan Segi Tiga Emas (STE) pada awal 1950an.⁶³ Kawasan STE merupakan sebuah kawasan yang amat popular di dalam penghasilan dadah.⁶⁴ Kawasan yang dinyatakan terletak di Asia Tenggara dan telah menjadi menjadi pusat tumpuan utama aktiviti perdagangan dan penyeludupan dadah yang diketuai oleh SPD antarabangsa secara besar-besaran.⁶⁵ Kawasan STE Thailand merupakan sebuah kawasan yang terletak di banjaran pergunungan melibatkan tiga buah negara iaitu Myanmar, Laos, dan Thailand. Kawasan yang dikenali sebagai *The Golden Triangle* mempunyai keluasan seluas 150,000 batu persegi.⁶⁶

Kawasan STE Thailand menjadi popular kerana menjadi lokasi penanaman pokok popi yang dijadikan sebagai bahan utama dalam penghasilan dadah jenis heroin.⁶⁷ Panggilan STE telah diilhamkan oleh Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Marshall Green pada sidang akhbar yang bertarikh 12 Julai 1971 dengan merujuk kawasan segi tiga terdiri daripada kawasan penanaman pokok popi dan pengeluaran heroin di Burma (Myanmar), Laos, Yunnan (China) dan Thailand.⁶⁸ Ketika awal tahun 1950 an sehingga akhir tahun 1970 an, kawasan ini menjadi tumpuan dengan aktiviti sindiket penyeludupan dadah di peringkat antarabangsa⁶⁹ memandangkan pada ketika itu STE Thailand merupakan kawasan pengeluaran utama candu dunia. Kawasan penanaman utama pokok popi di STE Thailand berpusat di wilayah Chiang Mai, Chiang Rai, Mae Hong Son dan Nan. Sebanyak dua pertiga bekalan candu dunia telah di hasilkan dari kawasan tersebut memandangkan iklim, bentuk muka bumi dan tanah yang subur sesuai untuk menanam pokok popi.⁷⁰ Wiant dalam pada itu menjelaskan kawasan STE merupakan kawasan yang sesuai untuk menanam pokok popi kerana keadaan tanahnya yang subur serta suhunya yang baik untuk pertumbuhan pokok popi.⁷¹ Kewujudan kawasan STE secara tidak langsung menyebabkan bermulanya era kemasukan candu dan heroin secara berleluasa ke Malaya selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Oleh yang demikian, langkah pihak Kerajaan British mengharamkan penggunaan candu secara menyeluruh di Tanah Melayu pada tahun 1952 adalah langkah yang wajar serta tepat pada masanya bagi mengelakkan masyarakat tempatan dilanda masalah penagihan dadah yang mampu menghancurkan institusi sosial dan kemasyarakatan di Tanah Melayu, terutamanya dengan kewujudan kawasan STE yang merupakan kawasan pengeluar utama candu dunia pada waktu tersebut.

Kesimpulan

Kemasukan candu ke Tanah Melayu telah mewujudkan budaya menghisap candu dalam kalangan masyarakat tempatan. Pada awalnya, candu telah dijadikan sebagai barang dagangan yang berharga oleh pihak penjajah memandangkan keuntungan hasil jualan candu amatlah lumayan. Sejak dari awal kurun ke-16 lagi candu telah dijadikan bahan komoditi perdagangan oleh pihak Belanda di Tanah Melayu. Budaya menghisap candu pada mulanya hanya diamalkan oleh kaum imigran dari Tanah Besar China yang bekerja di sektor perlombongan bijih timah dibawah syarikat perusahaan yang dimiliki oleh Kerajaan British bagi menghilangkan tekanan kerja serta kepenatan setelah seharian bekerja. Walaubagaimanapun aktiviti menghisap candu telah merebak kepada penduduk tempatan serta golongan bangsawan dan kerabat diraja turut mengamalkan aktiviti menghisap candu sebagai aktiviti bagi menghilangkan tekanan perasaan. Lambakan bekalan candu di pasaran yang dijual secara sah memberikan akses kepada penduduk tempatan di Tanah Melayu untuk mendapatkan bekalan candu dengan mudah. Keadaan menjadi lebih teruk apabila Kerajaan British telah menjadikan hasil jualan candu sebagai sumber pendapatan kerajaan di Tanah Melayu pada waktu tersebut melalui pengenalan kutipan cukai hasil penjualan candu. Kerajaan British telah membuka dan memperluaskan perusahaan perniagaan candu secara berlesen dengan membuka lebih banyak ladang-ladang penanaman candu, kilang-kilang pemprosesan candu serta rumah-rumah menghisap candu yang digunakan oleh masyarakat tempatan untuk membeli serta menghisap candu secara sah. Perkara ini telah menyebabkan masyarakat di Tanah Melayu secara tidak langsung mengalami ketagihan dadah akibat aktiviti penyalahgunaan dadah yang terhasil dari budaya menghisap candu yang menjadi kelaziman kepada masyarakat tempatan. Kerajaan British di Tanah Melayu pada waktu tersebut juga dilihat ‘menghalalkan’ penjualan candu secara sah kepada masyarakat tempatan sebagai cara halus bagi melemahkan perpaduan masyarakat sebagai usaha bagi menguasai

pemerintahan dan sistem politik di Tanah Melayu pada waktu tersebut. Aktiviti menghisap candu di kalangan masyarakat telah menjadikan mereka lemah, pemalas serta terus berkhayal membolehkan kerajaan British menjalankan pemerintahan mereka tanpa menghadapi banyak tentangan daripada rakyat yang sedang dilanda ketagihan candu.

Budaya menghisap candu telah menimbulkan ancaman terhadap keselamatan sosial masyarakat di Tanah Melayu melibatkan sindrom ketagihan serta mampu menjejaskan kesihatan penghisap candu, peningkatan kadar jenayah dalam negara terutamanya melibatkan aktiviti mencuri dan merompak, penurunan produktiviti kerja, serta hilang pertimbangan diri serta kawalan emosi akibat ketagihan candu. Oleh yang demikian, LONC telah melaksanakan langkah pengharaman menghisap candu secara menyeluruh sejak dari tahun 1930. Walaubagaimanapun tidak semua negara pada waktu tersebut bersetuju dengan pengharaman penggunaan candu memandangkan faktor keuntungan yang lumayan diperolehi oleh kerajaan hasil daripada penjualan candu. Akan tetapi selepas tamat Perang Dunia Kedua, Kerajaan British di Tanah Melayu mula melaksanakan pengharaman candu secara menyeluruh melalui penggubalan Ordinan Dadah Merbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati terhadap kegiatan pengedaran dan pemilikan dadah seberat 15 gram ke atas.

Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan British adalah tepat pada masanya memandangkan pada waktu tersebut kewujudan kawasan STE telah menyebabkan bermulanya kemasukan dadah secara besar-besaran ke Tanah Melayu. Oleh yang demikian, budaya menghisap candu dapat disimpulkan sebagai budaya yang menyebabkan lebih banyak keburukan daripada kebaikannya keatas penghisapnya. Walaupun candu adalah sejenis dadah yang digunakan sebagai ubat-ubatan akan tetapi kesan yang terhasil akibat penyalahgunaan candu adalah lebih dasyat daripada kebaikannya. Budaya menghisap candu di kalangan masyarakat Tanah Melayu yang wujud sejak 200 tahun lalu telah menyebabkan aktiviti penagihan dadah masih lagi berlaku hingga ke hari ini.

Penghargaan

Ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dalam memberikan akses kepada proses pengutipan data kajian serta maklumat teknikal. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Yang Dihormati CP Dato' Razarudin bin Husain, Pengarah JSJN Bukit Aman di atas kelulusan yang diberikan bagi menjalankan temubual bersama pihak JSJN Bukit Aman serta Ketua-Ketua JSJN Kontinjen Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Bantuan yang diberikan oleh pihak JSJN Bukit Aman terutamanya daripada pihak Timbalan Pengarah Risikan/Operasi, DCP Tuan Zainudin bin Ahmad dan SUPT Zahari Abu Samah amat membantu kajian yang telah dijalankan.

Nota

***Amer Fawwaz bin Mohamad Yasid** (amerfawwaz@upnm.edu.my) merupakan Pensyarah di Jabatan Pengajian Strategi, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

** **Dr. Noraini Zulikifli @ Zulkafli** (noraini@upnm.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Strategi, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

- ¹ Arkib Negara Malaysia. Dadah Kian Menggugat Masyarakat kita. No. Fail: 2007/01261, No. Penerimaan: 2007/0033790, 1977, hlm. 4.
- ² Samsudin Rahim & Mastura Mohamad. *Pencegahan dadah di kalangan generasi muda: Pengenalan Mengenai Dadah*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2008, hlm. 27-30.
- ³ Antara kajian terawal melibatkan penggunaan dadah sebagai racun dipelopori oleh Dr. John D. Gimlette bertajuk *Malay Poisons and Charm Cures* yang diterbitkan di London pada tahun 1915. Gimlette seorang doktor perubatan dan ahli sosiologi telah mengkaji penggunaan candu mentah digunakan oleh rakyat India dan orang Melayu di negeri Kelantan sebagai bahan asas untuk mencipta racun yang boleh digunakan sebagai senjata yang mampu untuk manusia. Campuran candu mentah dengan racun yang diperolehi dari sap tumbuhan seperti pokok Ceraka Merah, pokok Bebuta, pokok Kecubung Hitam, pokok Tuba Tikus dan pokok Merunggai mampu menghasilkan racun yang membunuh dengan efektif. Lihat Gimlette, J. D. *Malay Poisons and Charm Cures*, Oxford University Press, 1971, hlm. 2.
- ⁴ C. P. Spencer, & V., Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, Oxford University Press, 1981, hlm. 10.
- ⁵ Ibid., hlm. 12.
- ⁶ Abdul Ghafar Taib, *Dadah Strategi dan Kawalan di Sekolah-Sekolah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 7.
- ⁷ *Opium* ataupun dikenali sebagai candu mentah merupakan dadah yang dihasilkan dari getah pokok popi. Candu digunakan sebagai ubat penahan sakit dan terkelompok dalam dadah jenis *analgesics*. Candu yang telah diproses akan menghasilkan dadah jenis Morfin yang terkenal digunakan secara meluas oleh doktor pakar bagi merawat pesakit yang baru sahaja menjalani pembedahan kritikal. Penggunaan candu secara berlebihan mampu menyebabkan ketagihan kepada penggunanya. Lihat Hawthorn, J. *Dictionary of Medicinal Drugs*. Grange Books, 2005, hlm. 447-448.
- ⁸ Spencer & Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, hlm. 12.
- ⁹ Menurut Andaya, Belanda yang merupakan sebuah kuasa besar maritim pada awal abad kurun ke-16 telah menjalankan perdagangan bahan komoditi utama termasuklah perdagangan candu mentah ke negara-negara di kawasan Asia Tenggara. Salah satu bentuk perdagangan awal candu mentah yang wujud adalah perdagangan dengan kerajaan negeri Johor yang bermula sejak awal tahun 1687. Lihat Andaya, L. Y. *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*. Oxford University Press, 1975, hlm. 38.
- ¹⁰ British telah mengawal dominasi perdagangan candu yang dijalankan oleh Syarikat Perdagangan Hindia Timur Belanda di kawasan Asia Tenggara, dengan memperdagangkan sejumlah besar bekalan candu yang di dapati dari kawasan tanah jajahan British India pada awal kurun ke-18 memandangkan kebanyakan daripada sumber utama bekalan candu datangnya dari negara India pada ketika itu. Lihat Tregonning, K, G. *A History of Modern Malaya*. Eastern Universities Press Limited, 1964, hlm. 108.
- ¹¹ Ganja telah diperkenalkan oleh pekerja-pekerja asing yang dibawah masuk oleh kerajaan British di Tanah Melayu pada awal kurun ke-19. Kemasukan pekerja buruh dari negara India telah dijalankan bagi memenuhi tenaga pekerja dalam sektor perladangan getah di Tanah Melayu. Penggunaan ganja mula mengambil tempat dikalangan orang Melayu bagi digunakan sebagai tujuan perubatan serta digunakan secara meluas oleh golongan nelayan dan petani untuk melakukan kerja-kerja berat. Lihat Samsudin Rahim & Mastura Mohamad. *Pengenalan Mengenai Dadah: Pencegahan Penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda*. Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia, 2008, hlm. 10-12.
- ¹² Mohd Reduan Aslie, *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian*. AMK Interaksi Sdn. Bhd., 1990, hlm. 207-211.
- ¹³ Ibid.
- ¹⁴ H. Derks, *History of the Opium Problem*, Brill, 2012, hlm. 447-458.
- ¹⁵ D. S Kim, *Empires of Vice: The Rise of Opium Prohibition Across Southeast Asia*. Princeton University Press, 2020, hlm. 91-97.
- ¹⁶ Spencer & Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, hlm. 29-35.
- ¹⁷ Andaya, *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*, 1975, hlm. 38-39.
- ¹⁸ Dadah telah muncul ke Tanah Melayu sejak awal abad ke-19 melibatkan kemasukan candu yang dibawa oleh imigran Cina yang bekerja di lombong-lombong perusahaan bijih timah yang dijalankan oleh British. Manakala dadah jenis ganja telah dibawa masuk oleh buruh-buruh yang datang dari India Selatan berkhidmat sebagai pekerja di ladang-ladang getah kepunyaan British. Lihat Arkib Negara Malaysia. *Aspek-Aspek Penguatkuasaan Bagi Mencegah Penggunaan Dadah (Segi Polis)*. No penerimaan: 2007/0033777. No. Fail: 2007/01261, 2007, hlm. 1-3.
- ¹⁹ K. G. Tregonning, *Home Port Singapore: A History of Straits Steamship Company Limited 1890-1965*, Oxford University Press, 1967, hlm. 42.
- ²⁰ Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1971*, Oxford University Press, 1974, hlm. 6.

- ²¹ Pada akhir abad ke-18, terdapat peningkatan terhadap permintaan bekalan bijih timah bagi memenuhi keperluan revolusi industri di Eropah dan Amerika Syarikat menyebabkan perusahaan perlombongan bijih timah semakin pesat membangun di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kemasukan buruh dari Tanah Besar China menyebabkan perusahaan melombong bijih timah di Tanah Melayu dipenuhi dengan lambakan pekerja imigran berbangsa Cina yang akhirnya menetap di Tanah Melayu. Lihat Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1971*. Oxford University Press, 1974, hlm. 6.
- ²² Spencer dan Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, hlm.13.
- ²³ B.Simandjuntak, *Malayan Federalism 1945-1963*. Oxford University Press, 1969, hlm. 4.
- ²⁴ Sarina Mohamed. *Drug Abuse and Human Rights: Cases and Commentaries*. University of Malaya Press, 2012, hlm. 7.
- ²⁵ Arkib Negara Malaysia. *Background Paper on The Fight Against Drug Abuse*, 1980. No. Penerimaan: 1982/0003965. No. Fail: 1980/00144.
- ²⁶ Marimuthu, Jayakumary, and Syamala Nair. "Candu Dan Dasar Monopoli Kerajaan: Kesan Terhadap Kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1911–1940." *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 29, no. 1, 2020, hlm. 96-100.
- ²⁷ Kerajaan British telah menjadikan hasil penjualan dan penanaman candu sebagai sumber pendapatan tetap yang diperolehi daripada tanah-tanah jajahan seberang laut terutamanya, bagi pemerintahan koloni British Malaya dengan memperkenalkan Tabung Simpanan Kutipan Hasil Penjualan Candu yang diwujudkan sekitar tahun 1925, dengan kutipan permulaan sebanyak 10,000,000 pound. Kadar hasil kutipan keuntungan penjualan candu pada akhir tahun 1935 melonjak kepada \$27,795,584 pound. Kuasa untuk mengutip hasil keuntungan pendapatan penjualan candu telah diberikan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat yang dilantik oleh pihak kerajaan, bagi menguruskan kewangan tanah jajahan British Malaya pada ketika itu. Lihat Emerson, R. *Malaysia*. University of Malaya Press, 1966, hlm. 188.
- ²⁸ Spencer & Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, hlm.15-16.
- ²⁹ Ibid., hlm. 30.
- ³⁰ L.F.S. Philip, *The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy*. Oxford University Press, 1969, hlm. 142-143.
- ³¹ J. M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*. Oxford University Press, 1987, hlm. 158.
- ³² Lim Teck Ghee. *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1971*, hlm. 14.
- ³³ R. Emerson, *Malaysia*, University of Malaya Press, 1966, hlm.188.
- ³⁴ Derks. *History of the Opium Problem*, hlm. 451.
- ³⁵ Tregonning, *Home Port Singapore*, hlm. 41-42.
- ³⁶ R. Emerson, *Malaysia*, hlm. 188.
- ³⁷ Tregonning, *Home Port Singapore*, hlm. 77.
- ³⁸ J. M. Gullick, *Malay Society*, hlm. 295.
- ³⁹ Arkib Negara Malaysia. *Background Paper on The Fight Against Drug Abuse*, 1980, hlm. 2.
- ⁴⁰ Kemajuan teknologi dalam bidang pengangkutan pada awal kurun ke-18, menyebabkan kewujudan kapal berkuasa stim yang diperkenalkan oleh British sejak awal tahun 1890 melalui penubuhan Syarikat Kapal Stim Negeri Selat yang beroperasi di Singapura. Penggunaan jentera berkuasa stim bagi menggerakkan kapal, membolehkan sistem pengangkutan jalan air bertambah maju di Tanah Melayu menyebabkan kawasan-kawasan pedalaman yang mempunyai akses perhubungan sungai ataupun laut dapat dihubungi menggunakan perkhidmatan kapal stim yang disediakan oleh pihak British. Tregonning, *Home Port Singapore*, hlm. 1-10.
- ⁴¹ Ibid., hlm. 1-10.
- ⁴² Derks. *History of the Opium Problem*, hlm. 422
- ⁴³ P. Schebesta, *Among the Forest Dwarfs of Malaya*. Oxford University Press, 1973, hlm. 16.
- ⁴⁴ Spencer dan Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, hlm.11.
- ⁴⁵ Dzulkifli Abdul Razak. Dadah: Senario sejagat yang membimbangkan dalam Mohamed Izham Ibrahim, Razak Lajis dan Isa Majid (Ed.) *Mengenal dadah dan bahayanya terhadap masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 37-38.
- ⁴⁶ Spencer dan Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, hlm.14.
- ⁴⁷ Arkib Negara Malaysia. *Aspek-Aspek Penguatkuasaan Bagi Mencegah Penggunaan Dadah (Segi Polis)*. 2007/0033777, 2007, hlm. 2.
- ⁴⁸ J.Buxton, *The Political Economy Narcotics: Production, Consumption and Global Markets*. Fernwood Publishing, 2006, hlm. 82.
- ⁴⁹ Spencer & Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, hlm. 17-18.

- ⁵⁰ J. Marimuthu, & Mohd Firdaus Abdullah. "Opium Smoking Suppression Campaigns and The Role of Anti-Opium Movements In The Federated Malay States, 1906-1910." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47, no. 3 (2020), hlm. 43-44.
- ⁵¹ Arkib Negara Malaysia. *Jenis dan Bahaya Dadah dan Peranan Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan*. Seminar Bahaya Alkohol dan Penyalahgunaan Dadah Peringkat Kebangsaan, Bangi, Selangor pada 27-30 Januari 1984. No penerimaan: 2007/0633789. No. Fail: 2007/01261, 1984, hlm. 8-9.
- ⁵² Arkib Negara Malaysia. *Masalah-Masalah Salahguna Dadah di Malaysia*. No. Fail: 2007/01748, No. Penerimaan: 2005/0016340, 1978, hlm. 1.
- ⁵³ Kebanyakan daripada agama-agama utama di dunia telah mengharamkan penggunaan dadah di kalangan penganut mereka terutamanya agama Islam. Fatwa pengharaman penggunaan dadah telah dikeluarkan oleh ulama-ulama Islam terkemuka dunia seperti Sheikh Mohd Abdul Rahman Al-Beisar, bekas Pengetua Universiti al-Azhar yang mengharamkan dadah termasuklah penggunaan candu kerana ia merupakan suatu amalan yang fasik dan disebar oleh musuh Islam. Lihat Ibid, Mohd Reduan Aslie, *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian*. AMK Interaksi Sdn. Bhd., 1990, hlm. 214.
- ⁵⁴ Arkib Negara Malaysia. *Dadah: Racun Jiwa dan Fikiran*. No. penerimaan: 2007/0033791. No. Fail: 2007/01261, 1980, hlm. 2-3.
- ⁵⁵ Sencer & Navaratnam, *Drug Abuse in East Asia*, hlm. 19.
- ⁵⁶ L. Comber, *Chinese Secret Societies in Malaya: A Survey of the Triad Society from 1800 to 1900*. Donald Moore Press, 1959, hlm. 1.
- ⁵⁷ Arkib Negara Malaysia. *Kedudukan Masalah Dadah di Malaysia*. No. Penerimaan: 2005/0016389. No. Fail: 2007/01767, 1985, hlm. 2.
- ⁵⁸ Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Kerajaan British di Tanah Melayu telah mengharamkan penggunaan dadah secara menyeluruh melalui penubuhan Ordinan Dadah Berbahaya 1952. Keputusan ini dilakukan oleh kerajaan memandangkan mereka tidak lagi mampu mengawal kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah yang menjadi semakin kritikal di Tanah Melayu pada waktu tersebut. Pada masa yang sama, seramai 50,000 orang penagih dadah telah dikesan oleh pihak berkuasa hasil dari gejala penagihan dadah disebabkan budaya menghisap candu dikalangan masyarakat sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Lihat Arkib Negara Malaysia. *Background Paper on The Fight Against Drug Abuse*. No. Penerimaan: 1982/0003965. No. Fail: 1980/00144, 1980, hlm. 2.
- ⁵⁹ Undang-Undang Malaysia, Akta Dadah Merbahaya 1952 (Akta 234), Sekyen 39B Akta Dadah Merbahaya 1952, 2018, hlm. 55-56.
- ⁶⁰ Arkib Negara Malaysia. *Background Paper on The Fight Against Drug Abuse*, 1980, hlm. 3.
- ⁶¹ Temubual bersama DCP Tuan Zainudin bin Ahmad, Timbalan Pengarah (Operasi/Risikan) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman. Temubual dijalankan pada 6 Januari 2021 di Bukit Aman, Kuala Lumpur.
- ⁶² Arkib Negara Malaysia. *Aspek-Aspek Penguatkuasaan Bagi Mencegah Penggunaan Dadah (Segi Polis)*, 2007, hlm. 6.
- ⁶³ Poshyachinda, Vichai, "Drugs and aids in Southeast-Asia", *Forensic Science international*, 62, no. 1-2, 1993, hlm. 15-28.
- ⁶⁴ P.Chalk, "Southeast Asia and the Golden Triangle's Heroin Trade: Threat and Response", *Studies in Conflict & Terrorism* 23, no. 2, 2000, hlm. 89-90.
- ⁶⁵ P.A. Chouvy, et al., *An Atlas of Trafficking in Southeast Asia. The Illegal Trade in Arms, Drugs, People, Counterfeit Goods and Natural Resources in Mainland Southeast Asia*, IB Tauris, 2013, hlm. 29-31.
- ⁶⁶ K.L Chin, & S.X. Zhang, *The Chinese Heroin Trade: Cross-Border Drug Trafficking in Southeast Asia and Beyond*. New York University Press, 2015, hlm. 1.
- ⁶⁷ Heroin adalah sejenis dadah jenis opiat yang diperolehi dari pokok popi (*Papaver somniferum*) melalui proses penukaran candu mentah ataupun getah yang diperolehi dari buah popi yang ditoreh. Dari sudut perubatan dadah jenis heroin kebiasaannya digunakan bagi melegakan kesakitan dan merehatkan badan pada sukatan dos tertentu. Walau bagaimanapun heroin mempunyai keburukan iaitu kesan ketagihan yang melampau kepada pengguna. Bahan asas ataupun komponen kimia yang terdapat dalam heroin adalah asetik anhidrida, aseton, asetik asid (glasial), kalsium oksida, kalium karbonat, natrium karbonat, natrium hidroksida dan sodium hipoklorit. Lihat P. L. Lua & Nor Samira Talib. *Terapi Gantian Metadon untuk Penagihan Dadah*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2012, hlm. 22-23.
- ⁶⁸ Chouvy, P. A. *Opium: uncovering the politics of the poppy*. Harvard University Press, 2010, hlm. 23.
- ⁶⁹ Terdapat sindiket pengedaran dan penyeludupan dadah yang mendapatkan bekalan heroin dari kawasan STE termasuklah sindiket pengedaran dadah dari negara Sri Lanka yang beroperasi dibawah kumpulan pegganas seperti Liga Pembebasan Harimau Tamil Eelam (LTTE) yang mengimport dadah dari kawasan STE dan di pasarkan hingga ke Itali pada tahun 1984. Lihat C. P. Clarke, "Drugs and Thugs: Funding Terrorism through Narcotics Trafficking", *Journal of Strategic Security*, No. 3, Vol. 9, 2016, hlm. 4.

⁷⁰ Kawasan pedalaman utara Thailand adalah kawasan paling popular pengeluaran candu dan penanaman pokok popi memandangkan tanahnya yang subur serta kemampuan pokok popi untuk hidup di kawasan pergunungan altitud tinggi. Lihat Sabhasri, S. "Opium Culture in Northern Thailand: Social and Ecological Dilemmas" dalam P. Kunstadter, E.C. Chapman dan S.Sabhasri, *Farmers in the Forest*, University of Hawaii Press, 1978, hlm. 310-312.

⁷¹ John A Wiant., "Narcotics in the Golden Triangle", *The Washington Quarterly* 8, no. 4, 1985, hlm. 125.

Rujukan

Abdul Ghafar Taib, *Dadah: Strategi dan kawalan di sekolah-sekolah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Andaya, L. Y., *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*, Oxford University Press, 1975.

Arkib Negara Malaysia, *Dadah Kian Menggugat Masyarakat kita*. No. Fail: 2007/01261, No. Penerimaan: 2007/0033790, 1977.

Arkib Negara Malaysia, *Masalah-Masalah Salahguna Dadah di Malaysia*. No. Fail: 2007/01748, No. Penerimaan: 2005/0016340, 1978.

Arkib Negara Malaysia, *Dadah: Racun Jiwa dan Fikiran*. No. Penerimaan: 2007/0033791. No. Fail: 2007/01261, 1980.

Arkib Negara Malaysia, *Background Paper on The Fight Against Drug Abuse*, No. Penerimaan: 1982/0003965. No. Fail: 1980/00144, 1980.

Arkib Negara Malaysia, *Jenis dan Bahaya Dadah dan Peranan Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan*. Seminar Bahaya Alkohol dan Penyalahgunaan Dadah Peringkat Kebangsaan, Bangi, Selangor pada 27-30 Januari 1984, No penerimaan: 2007/0633789. No. Fail: 2007/01261, 1984.

Arkib Negara Malaysia, *Kedudukan Masalah Dadah di Malaysia*, No. Penerimaan: 2005/0016389. No. Fail: 2007/01767, 1985.

Arkib Negara Malaysia, *Aspek-Aspek Penguatkuasaan Bagi Mencegah Penggunaan Dadah (Segi Polis)*, No penerimaan: 2007/0033777, No. Fail: 2007/01261.

Buxton, J., *The Political Economy Narcotics: Production, Consumption and Global Market*. Fernwood Publishing, 2007.

Chalk, P., Southeast Asia and the Golden Triangle's Heroin Trade, *Threat and Response. Studies in Conflict & Terrorism*, 23(2), 2000, 89-106.

Chin, K.L & Zhang, S.X., *The Chinese Heroin Trade: Cross-Border Drug Trafficking in Southeast Asia and Beyond*, New York University Press, 2015.

- Chouvy, P. A., *An Atlas of Trafficking in Southeast Asia: The Illegal Trade in Arms, Drugs, People, Counterfeit Goods and Natural Resources in Mainland Southeast Asia*, I.B. Taurus, 2013.
- Chouvy, P. A., *Opium: Uncovering The Politics Of The Poppy*, Harvard University Press, 2010.
- Clarke, C. P., Drugs and Thugs: Funding Terrorism through Narcotics Trafficking. *Journal of Strategic Security*. No. 3, Vol. 9, 2016, 8-12.
- Comber, L., *Chinese Secret Societies in Malaya: A Survey of the Triad Society from 1800 to 1900*, Donald Moore Press, 1959.
- Derks, H., *History of the Opium Problem*, Brill, 2012.
- Dzulkifli Abdul Razak, Dadah: Senario sejagat yang membimbangkan dalam Mohamed Izham Ibrahim, Razak Lajis dan Isa Majid (Ed.) *Mengenal Dadah Dan Bahayanya Terhadap Masyarakat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Emerson, R., *Malaysia*. University of Malaya Press, 1966.
- Gimlette, J. D. (1971). *Malay Poisons and Charm Cures*. Oxford University Press, 1971.
- Gullick, J. M., *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*. Oxford University Press, 1987.
- Hawthorn, J., *Dictionary of Medicinal Drugs*. Grange Books, 2005.
- Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1971*, Oxford University Press, 1974.
- Lintner, B., The Golden Triangle Opium Trade: An Overview, *Asia Pacific Media Services*, 12, 2000.
- Lua P. L. & Nor Samira Talib, *Terapi Gantian Metadon Untuk Penagihan Dadah*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2012.
- Manning, R., *The Vietnam Experience: War in the Shadows*. Boston Publishing Company, 1988.
- Jayakumary Marimuthu & Mohd Firdaus Abdullah, Opium Smoking Suppression Campaigns and The Role of Anti-Opium Movements in The Federated Malay States, 1906-1910, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 2003.
- Jayakumary Marimuthu, & Shamala Nair, Candu dan Dasar Monopoli Kerajaan: Kesan terhadap kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1911–1940, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 29(1), 2020.

- Kim, D. S., *Empires of Vice: The Rise of Opium Prohibition Across Southeast Asia*, Princeton University Press, 2020.
- Mohd Reduan Aslie, *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian*, AMK Interaksi Sdn. Bhd, 1990.
- Philip L.F.S., *The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy*. Oxford University Press, 1969.
- Poshyachinda, V., *Drugs And Aids In Southeast-Asia. Forensic Science International*, 62(1-2), 1993, 15-28.
- Sabhasri, S., Opium Culture in Northern Thailand: Social and Ecological Dilemmas, dalam Kunstadter, P., Chapman, E.C., & Sabhasri, S. *Farmers in the Forest*. University of Hawaii Press, 1978.
- Samsudin Rahim & Mastura Mohamad, *Pengenalan Mengenai Dadah: Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Generasi Muda*, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia, 2008.
- Sarina Mohamed, *Drug Abuse and Human Rights: Cases and Commentaries*. University of Malaya Press, 2012.
- Schebesta, P., *Among the Forest Dwarfs of Malaya*. Oxford University Press, 1973.
- Simandjuntak, B., *Malayan Federalism 1945-1963*. Oxford University Press, 1969.
- Spencer, C. P. & Navaratnam, V., *Drug Abuse in East Asia*. Oxford University Press, 1981.
- Temubual bersama Deputy Commissioner of Police (DCP) Tuan Zainudin bin Ahmad, Timbalan Pengarah Narkotik (Risikan/Operasi), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia pada 6 Januari 2021. Temubual dijalankan di Kuala Lumpur.
- Temubual bersama Assistant Commissioner Police (ACP) Sheik Azhar bin Sheik Omar, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan pada 27 Januari 2021. Temubual dijalankan di Kota Bharu, Kelantan.
- Tregonning, K. G., *A History of Modern Malaya*. Eastern Universities Press Limited, 1964.
- Tregonning, K. G., *Home Port Singapore: A History of Straits Steamship Company Limited 1890-1965*, Oxford University Press, 1967.
- Undang-Undang Malaysia, Akta Dadah Merbahaya 1952 (Akta 234). Sekyen 39B Akta Dadah Merbahaya 1952, 2018.
- Wiant, J. A., Narcotics in the Golden Triangle, *The Washington Quarterly*, 8(4), 125-140, 1985.